Namun, murid kurang meminati penyampaian pengajaran yang hanya bergantung pada penggunaan kaedah *"chalk and talk"* dan buku teks disebabkan pengajaran seumpama ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada keperluan murid malah penglibatan mereka berada pada tahap rendah. Mengikut Yusup Hashim (2001),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah *"chalk and talk"* konvensional masih digunakan oleh ramai guru. Sesetengah pendidik juga hanya menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka. Bagi mengekalkan murid bermotivasi, murid memerlukan pelbagai rangsangan sebagai tambahan kepada buku yang merupakan sumber pengetahuan konvensional. Permintaan ini tidak dipenuhi oleh kaedah pengajaran tradisional kerana ia terlalu menekankan aspek teori yang menyebabkan murid bosan dan kurang memberi perhatian semasa pengajaran (Mohd Khairi Shafie, 2018), yang akhirnya boleh menyebabkan pencapaian akademik pelajar menurun. Walaupun demikian, guru Pendidikan Islam terus menyediakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) tradisional yang bersifat berpusatkan guru masih diteruskan hingga kini.

Menurut Freeman et al., (2014) yang mengatakan bahawa sebanyak 1.5 kali ganda kebarangkalian murid akan gagal sekiranya didedahkan dengan teknik pengajaran tradisional berbanding dengan penglibatan persekitaran pembelajaran aktif. Pernyataan ini diperkuatkan oleh kajian Arip & Sa'ad (2014) yang menyatakan bahawa guru yang lebih cenderung menggunakan kaedah pengajaran tradisional dan tidak memasukkan bahan bantu mengajar (BBM) ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) boleh menyebabkan murid kehilangan fokus dan perhatian dalam pembelajaran. Zimmerman (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa pendekatan pengajaran secara tradisional yang masih diamalkan tidak lagi relevan pada zaman ini kerana generasi muda kini mengahadapi cabaran dunia yang lebih kompleks dan bercorak teknologi yang pesat berkembang. Generasi muda yang didedahkan dengan kepesatan teknologi kini lebih gemar untuk menggunakan aplikasi-aplikasi berbentuk permainan dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun lebih 907 sekolah rendah di Negeri Johor Bahru mempunyai akses kepada internet 4G, penggunaan gamifikasi dalam bilik darjah masih sangat rendah, menurut laporan Sektor Pengurusan ICT dan Maklumat Jabatan Pendidikan Negeri Johor (Heni Jusuf, 2016). Menurut Aliza dan Zamri (2015), terdapat beberapa halangan utama yang harus diatasi oleh pendidik untuk melaksanakan atau menerapkan strategi pengajaran yang menggabungkan permainan, seperti gamifikasi yang menyeronokkan. Permintaan ini tidak dapat dipenuhi dengan kaedah pengajaran tradisional kerana ia memberi terlalu banyak penekanan kepada perkara teori yang mungkin membosankan murid dan menyebabkan mereka kurang memberi perhatian semasa di dalam kelas. Hal ini dilihat kerana murid lebih senang untuk hilang fokus sewaktu guru mengajar malah perkara ini akan menyebabkan motivasi dan penglibatan mereka dalam pembelajaran terjejas (Nur Syamira et al. 2017; Noor Asmina et al. 2019). Hasil kajian oleh Siti Zaharah (2018) juga menjelaskan bahawa antara pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi memartabatkan tulisan Jawi dari terus merosot ialah dengan pelaksanaan program J-Qaf. Oleh itu, bagi meningkatkan tahap motivasi murid dalam pembelajaran, pendekatan pembelajaran perlu dipelbagaikan oleh guru. Tahap penglibatan dan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat masih lemah, walaupun pelbagai metodologi dan penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) diperkenalkan. Gamifikasi pendidikan merupakan satu strategi pembelajaran berasaskan permainan yang boleh digunakan untuk memotivasikan murid. (Deterding, 2012; Lee & Hammer, 2011).

Pembelajaran berasaskan permainan juga bergantung kepada penerimaan murid. Tahap minat dan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat masih lemah, walaupun teknik yang pelbagai diperkenalkan menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai alatan dan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi. Kesilapan berpunca daripada pendidik dan pengurusan atasan (kementerian, sekolah) lebih menumpukan kepada penambahbaikan reka bentuk kurikulum untuk memenuhi objektif pembelajaran (Reiners et al., 2012) berbanding strategi untuk menggalakkan pelajar lebih bermotivasi dan terlibat dalam pendidikan mereka. Permainan merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan sebagai rangsangan pembelajaran dalam pendidikan. Menurut kajian, kaedah PdP pendidikan Islam adalah tidak berkesan pada tahap sederhana rendah apabila melibatkan kualiti bahan bantu mengajar (BBM), dengan nilai min 2.57. Kajian ini juga melihat penggunaan bahan rujukan dan sumber lain di luar buku teks sebagai BBM (Maimun Aqsha Lubis et. al, 2017). Alsawaier (2018) dan Siti Rohani et al. (2018) menyatakan kaedah pembelajaran berasaskan permainan dan gamifikasi yang sesuai dan berkesan diperlukan bagi mengelak murid yang lemah berasa terpinggir sehingga membuatkan mereka kurang melibatkan diri dalam kelas. Oleh itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berbentuk gamifikasi dan pembelajaran berasaskan permainan dianggap sebagai kaedah pengajaran yang berkesan dan menarik untuk diterapkan dalam bilik darjah.

Menurut Hong & Masood (2014), pembelajaran berasaskan permainan (PBP) lebih berfokus pada pembelajaran komunikasi satu hala yang boleh menyebabkan murid kehilangan minat dan tumpuan kerana kurangnya saluran untuk bertanya tentang kemusykilan yang ditempuhi semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku. Keadaan ini dapat menghalang murid daripada mengeksplorasi potensi sebenar mereka. Oleh itu, permainan *Snake and Ladder Digital Game Board* telah dibangunkan dengan matlamat untuk menarik minat murid terutamanya dalam subjek-subjek yang dianggap sukar, serta memastikan murid dapat berkomunikasi secara dua hala dengan guru dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rakan sejawat semasa permainan dijalankan, menjadikan pelaksanaan objektif PdP lebih efektif (Hamzah, M. A., & Osman, F., 2020).

Walaupun kajian mengenai pembelajaran berasaskan permainan dan gamifikasi dalam pengajaran telah mula mendapat perhatian, kebanyakan pengkaji telah menjalankan kajian keberkesanan tentang kaedah gamifikasi dalam beberapa subjek di sekolah seperti ungkapan algebra (Siti Norhaida, 2017), bahasa pembelajaran modul teori (Nurul Ain et al., 2018), Arab (Siti Rohani et al., 2019), manhaj qiraat (Muhammad Aizuddin et al., 2019) dan kursus alam sekitar (Rahimah Wahid, 2019). Namun kajian berkaitan pengajaran dalam bidang Pendidikan Islam yang menggunakan pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan masih terhad. Maka, pengkaji melihat wujudnya kelompongan yang boleh diisi dalam aspek pendekatan pembelajaran berasaskan permainan terhadap pengajaran Pendidikan Islam. Pengkaji berpandangan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan permainan ini perlu diteruskan untuk memberi latihan pengukuhan selepas selesai waktu persekolahan selain daripada latihan kerja rumah seperti biasa. Pengkaji juga ingin melihat sejauh mana hubungan antara antara pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan dengan pengajaran guru Pendidikan Islam yang memberikan impak yang positif kepada murid pada masa hadapan.

Sebagai rumusan, satu kajian yang menyeluruh tentang pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan amat perlu dijalankan memandangkan kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada penyelidikan berkaitan dengan bidang-bidang lain dan bukan dalam Pendidikan Islam. Pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran guru pendidikan Islam masih kurang dikaji dan diberi perhatian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terutamanya dalam kurikulum pendidikan Islam. Justeru itu, tujuan kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana pembelajaran berasaskan permainan digunakan oleh guru pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam sekolah rendah terhadap pembelajaran berasaskan permainan (PBP).

2. Mengenal pasti tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah.

3. Mengenal pasti kesan pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan terhadap penerimaan murid mengikut persepsi guru Pendidikan Islam sekolah rendah.

4. Mengenal pasti perbezaan tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor demografi.

5. Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji mengemukakan beberapa isu kajian mengenai pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Daerah Kuantan, Negeri Pahang. Berikut adalah beberapa soalan utama yang akan dikaji:

1. Apakah tahap pengetahuan guru pendidikan Islam sekolah rendah dalam pembelajaran berasaskan permainan (PBP)?

2. Apakah tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah?

3. Apakah kesan pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP) terhadap penerimaan murid mengikut persepsi guru Pendidikan Islam sekolah rendah?

4. Apakah perbezaan tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor demografi?

5. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Menurut Idris Awang (2009), hipotesis didefinisikan sebagai kenyataan sementara tentang hubungan antara dua atau lebih unsur. Pernyataan ini akan disahkan pada akhir kajian untuk memutuskan sama ada ia sesuai atau tidak. Dengan itu, pengesahan ini memberikan sumbangan kepada penyelesaian masalah yang dikaji. Hipotesis merupakan jangkaan terhadap hasil kajian penyelidikan dan juga dikenali sebagai cadangan sementara untuk menjawab persoalan kajian atau sebagai ramalan sementara untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Hipotesis ialah teori atau teori saintifik yang disokong oleh kesusasteraan dan teori yang meramalkan hasil kajian tertentu.

Oleh yang demikian, hipotesis ialah anggaran hasil potensi kajian. Matlamat kajian ini adalah untuk menangani persoalan objektif kajian keempat dan kelima yang melibatkan hubungan antara tahap pengetahuan dan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan bagi guru pendidikan Islam yang mengajar pelajar sekolah rendah di Daerah Kuantan, Pahang serta variasi dalam penggunaan aplikasi ini dalam kalangan guru pendidikan Islam mengikut demografi di sekolah rendah Daerah Kuantan. Pengkaji membentuk pernyataan hipotesis untuk digunakan dalam kajian ini seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor umur.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor status perkahwinan.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor pengalaman mengajar.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor lokasi sekolah.

Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor kelulusan ikhtisas pendidikan.

Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan faktor jenis sekolah.

Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Daerah Kuantan, Pahang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kerangka Teori Kajian

Teori merupakan asas atau elemen utama dalam semua bidang ilmu termasuk pendidikan. Teori pembelajaran ini membentuk konsep dan prinsip khusus dalam pendidikan dengan menumpukan perhatian kepada pelbagai aspek pembelajaran. Pada tahun 2002, Nick Pelling telah memperkenalkan istilah gamifikasi pertama dalam persidangan *Technology, Entertainment, Design* (TED) (Mat Husin, N. S., & Mahamod, Z., 2023). Teori utama dalam kajian ini berkaitan dengan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah rendah iaitu teori pembelajaran Al-Zarnuji (1990).

Syeikh Burhanuddin al-Zarnuji, pengarang kitab *Ta'lim Muta'allim*, menekan aspek nilai adab sama ada adab dalaman mahupun luaran dalam pembelajaran. Buku ini menjelaskan bahawa Pendidikan bukan sahaja pemindahan ilmu dan kemahiran, tetapi yang paling penting ialah pemindahan nilai adab. Justeru pendidikan mestilah berlandaskan nilai-nilai agama, bukan anti-agama. Kefahaman umum yang dipercayai oleh kebanyakan warga pendidik.

Kesempurnaan teori pembelajaran Al-Zarnuji pada masa kini boleh digunakan sebagai model pembelajaran yang penting, kerana perbincangan di dalamnya masih cukup relevan dengan konteks semasa. Imam al-Zarnuji yang merupakan cendekiawan Islam dalam pendidikan yang berkebolehan membangun pemikiran pendidikan Islam pada masa itu. Teori pembelajaran al-Zarnuji mengandungi banyak sisi persamaan dengan teori pembelajaran moden. Dalam teori pembelajaran moden, inilah kelebihan yang dimiliki oleh al-Zarnuji. Ini dapat dilihat daripada teori-teori beliau, antaranya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecerdasan, motivasi belajar, faktor persekitaran pembelajaran, memupuk sikap positif, mencari gaya pembelajaran, menulis dan membaca, teknik mencatat nota, kekuatan ingatan dan pemikiran logik serta kreatif (Kambali, M. P. I., 2015). Apabila diteliti secara mendalam ternyata teori pembelajaran al-Zarnuji sangat sesuai disandarkan dengan pembelajaran berasaskan permaianan kerana pandangan beliau sangat meluas dan tepat dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

Mata pelajaran Pendidikan Islam diajar secara berkumpulan sebagai sebahagian daripada kaedah Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP) untuk membantu murid mengembangkan pengetahuan mereka. Kanak-kanak belajar melalui interaksi sosial mereka dengan orang lain (Vygotsky, 1978). Vygotsky menekankan bahawa kanak-kanak boleh mempelajari perkara yang mencabar untuk difahami sendiri dengan menerima perancah (*scaffolding)* daripada individu yang lebih berpengalaman seperti pendidik dan rakan sekelas (Mok, 2010). Pelajar boleh membantu murid yang kurang berkemampuan dengan berinteraksi dengan rakan sebaya mereka dan mengajar mereka perkara seperti cara bermain permainan dengan betul. Seterusnya, pelajar boleh menguasai objektif pembelajaran dengan menerima bantuan perancah daripada rakan sebaya dan guru.

Mengikut kajian ini, semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru dan pelajar lebih mahir untuk dijadikan sebagai role model yang boleh diikuti oleh pelajar lain. Apabila pelajar memerhati guru bermain permainan, contohnya, mereka membuat model dan meniru. Pelajar yang lebih berpengalaman kemudiannya terus mengajar pelajar lain cara bermain permainan dan membetulkan kesalahan mereka. Prinsip pembelajaran sosial Bandura (1977) juga mengukuhkan dan memperkaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran melalui hubungan sosial. Menggunakan idea ini, Bandura (1977) menekankan bagaimana pembelajaran sosial berlaku apabila kanak-kanak melihat kanak-kanak lain terlibat dengan mereka semasa aktiviti kumpulan.

Justeru itu, pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berasaskan inkuiri, guru mestilah kreatif dan proaktif sehingga membuat murid yang sebelumnya pasif turut menunjukkan minat, kegembiraan, dan tidak membosankan dalam sesi PdP apabila guru menyediakan permainan yang disesuaikan dengan kemampuan mereka, memberi peluang untuk melibatkan diri secara aktif (Farahidatul Akmar, Zainab Mohd Zain, Nurul Huda Mohd Saad, Rafidah Abd. Karim, 2017). Oleh itu, pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam pengajaran Pendidikan Islam dapat memberikan impak positif kepada murid-murid. Rajah 1.1 menunjukkan hubungan antara teori pembelajaran Al-Zarnuji terhadap tahap pengetahuan dan pelaksanaan PBP dalam pengajaran GPI di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP) dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Struktur yang dikenali sebagai kerangka konsep berfungsi sebagai rujukan cepat untuk bentuk, matlamat, format dan peringkat atau fasa projek penyelidikan. Ia mungkin dibangunkan daripada penyelidikan terdahulu atau daripada mana-mana teori yang telah wujud. Dalam kajian oleh Ghazali dan Sufean (2016), kerangka konseptual dianggap sebagai asas panduan dalam proses penyelidikan yang menghubungkan antara variabel-variabel dalam komponen-komponen penyelidikan yang dijalankan. Dengan itu, dalam kerangka konseptual kajian hubungan berganda diterapkan, iaitu melibatkan dua pembolehubah tidak bersandar dan satu pembolehubah bersandar.

Kerangka konsep seperti rajah 1.2 menunjukkan hubungan antara pengetahuan dan tahap pelaksanaan, kesan pelaksanaan dari perspektif guru, dan hubungan antara kedua-duanya melalui pembelajaran berasaskan permainan (PBP) dalam pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah rendah di sekolah rendah, Daerah Kuantan. Dua pembolehubah bersandar telah digunakan dalam kajian untuk mengkaji bagaimana pembelajaran berasaskan permainan digunakan untuk menyampaikan pendidikan Islam kepada guru sekolah rendah. Pemboleh ubah bersandar pertama ialah tahap pengetahuan pembelajaran berasaskan permainan yang dimiliki oleh tenaga pengajar Pendidikan Islam di sekolah rendah. Pemboleh ubah bersandar kedua ialah tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. Pemboleh ubah tidak bersandar ialah pengajan guru Pendidikan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian PBP dalam Pengajaran Pendidikan Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian sangat berguna dalam membantu GPI mempertingkatkan kualiti pengajaran dam pembelajaran mereka, khususnya dalam mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pembelajaran berasaskan permainan yang berkesan dalam pendekatan pengajaran. Tambahan lagi, kajian ini disokong oleh Ford (2000), Gibson (2001) yang membuktikan bahawa teknologi dapat dilaksanakan dengan jayanya di dalam bilik darjah sekiranya terdapat sumbangan dari pengajaran yang berkualiti.

Kajian ini berguna dan digunapakai oleh semua pihak iaitu Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pihak sekolah, Guru Pendidikan Islam (GPI) dan juga implikasinya kepada murid. Kepentingan kajian ini dapat dilihat melalui dua aspek iaitu dari segi tahap ilmu pengetahuan dan juga tahap penggunaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP).

Dengan adanya ilmu pengetahuan tentang Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP) dapat membantu GPI untuk lebih seronok dan terdorong untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Kajian ini dijangka akan dapat merungkai ilmu pengetahuan yang didapati oleh GPI sehingga mendorong mereka untuk terus melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP) dalam PdP mereka. Selain itu, suasana sekolah juga penting dalam mempengaruhi GPI untuk terus berada dalam suasana yang kondusif dan positif serta merangsang mereka bagi melakukan tugasan dengan prestasi dan komitmen yang tinggi (Mohd Sharihan Mohamed Hussin & Roslan Ab Rahman 2019). Dapatan mengenai pengetahuan dapat menjadi panduan kepada mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan ilmu asas yang diperlukan untuk menghasilkan permainan yang terbaik untuk murid.

Apabila banyak pengetahuan PBP dihasilkan oleh para guru Pendidikan Islam, maka akan berlaku evolusi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Evolusi bermaksud penambahbaikan secara kecil-kecilan yang dilakukan oleh ramai guru yang akan memberikan kesan yang signifikan kepada kualiti pengajaran Pendidikan Islam (Serdyukov 2017). Usaha ini hanya dapat dicapai melalui kerjasama semua GPI dan tidak mungkin dapat dicapai oleh segelintir GPI sahaja. Hasil kajian ini juga diharapkan boleh memberi panduan kepada GPI serta memberi kesedaran tentang kepentingan, peranan dan tanggungjawab mereka dalam menguasai ilmu dan kemahiran PBP termasuklah ICT untuk diterapkan dalam proses PdP bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing. Dapatan dari kajian ini juga boleh meningkatkan lagi tahap profesionalisme serta kemahiran mengajar guru Pendidikan Islam untuk menjadikan GPI yang terbaik dari aspek keperibadian dan boleh membentuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih efektif. Ia juga dapat menghasilkan gaya pengajaran yg lebih aktif kepada guru Pendidikan Islam tentang pentingnya perlaksanaan pembelajaran berasaskan permainan untuk diaplikasikan ke dalam kurikulum Pendidikan Islam.

Dari segi kesan penggunaan Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP), ia memberikan pelbagai faedah dan kebaikan kepada murid. Beberapa faedah dan kebaikan yang diperolehi dari PBP termasuk memupuk kecenderungan dan fokus murid dalam pembelajaran mereka serta mempertingkatkan kecekapan dalam mengatasi masalah. Pemerolehan data daripada soal selidik menunjukkan bahawa responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sangat bersetuju dengan dengan kelebihan pembelajaran berasaskan permainan ini. (Rahimah Wahid, 2020). Hasil kajian ini juga disokong oleh pandangan Gee (2003) yang menyatakan bahawa penggunaan permainan dalam pendidikan dapat mempertingkatan kebolehan dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Di samping itu, dapatan ini mempunyai kesan signifikan bagi memberi motivasi, minat dan keseronokan kepada murid-murid bagi mengukuhkan amalan dalam Pendidikan Islam. Ia juga dapat mengawal disiplin dan tingkah laku murid dalam pembelajaran ketika berada di dalam kelas. Kajian ini mampu mewujudkan budaya belajar dalam persekitaran sekolah berteraskan pembelajaran abad ke-21.

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga boleh mengatur latihan, kursus-kursus serta bengkel yang bersesuaian dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan penggunaan permainan dalam pengajaran GPI. Latihan, kursus dan bengkel dapat mereka pilih secara lebih berfokus dan berobjektif. Melalui kursus, bengkel, *Profesional Learning Community* (PLC) tentang pembelajaran berasaskan permainan dapat memberi maklumat baru tentang kepentingan PBP dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam serta memberikan panduan terhadap pihak sekolah dan GPI untuk meningkatkan kualiti guru dalam proses pengajaran.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya berdasarkan kepada pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan (PBP) terhadap pengajaran GPI serta tidak melihat tingkah laku sebenar guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Islam sekolah rendah terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan permainan serta hanya menggunakan instrumen soal selidik untuk memperoleh data. Skop kajian ini hanya berfokuskan pengajaran guru Pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan terhadap pengajaran GPI di sekolah rendah Negeri Pahang yang berada dalam pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sekolah ini dipilih adalah disebabkan berada dalam pentadbiran KPM, semua sekolah mengamalkan kurikulum yang sama di seluruh Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 68 buah sekolah kebangsaan (SK), 12 buah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan tiga buah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Manakala guru Pendidikan Islam teridiri daripada 791 orang iaitu 590 orang perempuan dan 201 orang lelaki yang berada di Daerah Kuantan, Pahang. Guru Pendidikan Islam ini dipilih berdasarkan pelbagai latar belakang sertas lokasi sekolah iaitu bandar dan luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Definisi Operasional Kajian

1.11.1 Gamifikasi

Gamifikasi merupakan satu istilah yang dipinjam daripada bahasa inggeris. Konsep Gamifikasi membawa maksud menjadikan aktiviti yang asalnya bukan permainan sebagai suatu aktiviti bermain (Tan Wee Hoe, 2016). Gamifikasi atau *gamification* ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu pendekatan yang menggunakan konsep permainan dalam proses pengajaran dan pemudahcaran (PdPc) serta menjadikan proses PdPc lebih menarik, interaktif serta mengasyikkan (engaging). Menurut Prambayun & Farozi (2015) gamifikasi ialah proses menggunakan aspek mekanik permainan untuk melukis dalam kumpulan tertentu dan menawarkan jawapan yang berguna. Matlamat strategi gamifikasi kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengetahuan dan penggunaanya dalam amalan gamifikasi pengajaran pendidikan Islam.

Pelaksanaan pengajaran dam pembelajaran yang dikenali sebagai gamifikasi ialah menggabungkan penggunaan permainan ke dalam bilik darjah, sama ada ia digunakan untuk tujuan pengajaran atau komersial (Lim 2015). Matlamat pembelajaran berasaskan permainan seperti gamifikasi adalah untuk membantu pelajar atau pemain mengembangkan kebolehan dan pengetahuan mereka. Tambahan pula, para pendidik menggunakan pembelajaran berasaskan permainan sebagai pendekatan pedagogi untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran yang mereka ajar.

Pembelajaran berasaskan permainan dalam koteks kajian ini ialah berfokuskan kepada pengetahuan dan pelaksanaan serta kesan pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang dilihat sebagai pembelajaran interaktif dan efektif kepada pelajar pada masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.2 Pengajaran Guru

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pengajaran adalah proses menyampaikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai kepada pelajar atau individu lain. Ia melibatkan penggunaan pelbagai kaedah dan strategi untuk membantu pelajar memahami dan menguasai sesuatu subjek atau kemahiran. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menyatakan bahawa matlamat penyediaan pelajaran adalah untuk meningkatkan motivasi murid untuk belajar, membantu mereka bersedia untuk sesi akan datang dan membolehkan mereka meneruskan kendiri. Dalam rangka kajian ini, pengajaran guru merujuk kepada tindakan mengarahkan murid di dalam bilik darjah. Amalan ini sejajar dengan model SGM (2009), yang menonjolkan elemen model manusia berkualiti melalui tiga metodologi utama iaitu perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan penilaian pengajaran (Luky, 2018).

Maksud pengajaran dalam kajian ini merangkumi perancangan, pemilihan objektif pembelajaran, strategi pengajaran, aktiviti pembelajaran dan penilaian di akhir pembelajaran yang telah disusun oleh GPI untuk pengajaran Pendidikan Islam dalam pembelajaran berasaskan permainan (PBP).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.3 Pendidikan Islam

Islam adalah salah satu kursus asas yang wajib dipelajari oleh murid-murid Islam di sekolah. Mengikut Akta Pendidikan 1996, murid mesti diajar agama Islam oleh guru yang diluluskan Pihak Berkuasa Negeri sekiranya terdapat lima atau lebih orang Islam yang mendaftar di institusi tersebut. Pendidikan Islam di sekolah rendah terdiri daripada enam masa pengajaran dan pembelajaran selama 180 minit seminggu.

Empat komponen utama yang terkanding dalam mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu asuhan tilawah al-Quran, Jawi dan asas ulum syariah. Bagi komponen asuhan tilawah al-Quran pula dibahagikan kepada bidang bacaan, hafazan, kefahaman, hadis, dan tajwid. Manakala bagi komponen asas ulum syariah dibahagikan kepada bidang ibadah, akidah, akhlak dan sirah nabawi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.4 Guru Pendidikan Islam

Istilah "Guru Pendidikan Islam" (GPI) menggambarkan pendidik yang menggunakan program j-QAF, yang meliputi pengajian Bahasa Arab, Ulum Syariah (ibadah, etika, sirah, dan aqidah), Al-Quran, dan Jawi. Peranan yang disenaraikan semuanya dipegang oleh orang yang bertanggungjawab secara nyata untuk mengarahkan pelajar dalam kursus Pendidikan Islam mengikut program j-QAF yang mana individu ini dikenali sebagai guru Pendidikan Islam. Pengajaran pendidikan Islam oleh guru pendidikan Islam merupakan tajuk utama kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, memandangkan tidak banyak kajian mengenai topik ini dalam bidang Pendidikan Islam, fokus kajian ini adalah bagaimana pembelajaran berasaskan permainan (PBP) digunakan untuk mengajar pendidikan Islam kepada guru-guru sekolah rendah di Daerah Kuantan, Pahang. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan tahap pengetahuan pembelajaran berasaskan permainan yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah serta tahap pelaksanaan yang dimiliki oleh pengajar berkenaan amalan ini.

Di samping itu, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti kesan penggunaan pembelajaran berasaskan permainan terhadap murid mengikut persepsi guru dan hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan terhadap pengajaran GPI serta mengenal pasti perbezaan tahap pelaksanaan aplikasi pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan demografi di Daerah Kuantan, Pahang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi